

UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA ENCIK AHMAD SAIFFUL BIN SALIHIN
PEMANGKU PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI
SARAWAK
DI DALAM
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BATTLE OF THE ECO GREEN
MUSICVIBES & AEROBATHON SEMPENA HARI ALAM SEKITAR
NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2019
26 OKTOBER 2018 (SABTU)
THE SUMMER SHOPPING MALL, KOTA SAMARAHAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran Kehadrat Allah Subhanahuwataala, kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul di Majlis Perasmian Program Battle Of The Eco Green Musicvibes & Aerobathon Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak 2019 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy Berhad selaku rakan kerjasama strategik yang telah memberi sumbangan dalam penganjuran Program Battle Of The Eco Green Musicvibes & Aerobathon ini. Ucapan terima kasih saya juga tujukan kepada pihak Shan Poornam Metals Sdn. Bhd. di atas sokongan dan kerjasama di dalam menjayakan program *Household E-waste Take Back Programme* pada hari ini.

3. Terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak The Summer Shopping Mall yang sudi menjadi lokasi majlis perasmian program pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak yang telah menyahut cabaran menyertai program *plogging* yang telah dijalankan pada pagi ini. Selain itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri majlis pada pagi ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menunjukkan sokongan, semangat dan komitmen dalam menjayakan segala program kesedaran alam sekitar yang dirancang oleh kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar. Harapan saya agar maklumat dan pengalaman yang diperolehi akan dapat dikongsi bersama dengan keluarga, rakan-rakan, serta masyarakat demi kebaikan sejagat.

Hadirin sekalian,

4. “Hindari Plastik Sekali Guna” atau “*No Single Use Plastic*”, inilah tema Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini. Manakala slogan yang digunakan adalah “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama” amat bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk tidak meletakkan tanggungjawab memulihara alam sekitar kepada Kerajaan semata-mata, malahan juga kepada semua lapisan masyarakat kerana alam sekitar ini adalah sesuatu yang kita kongsi bersama.

5. Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang dahulunya dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), merupakan acara tahunan yang disambut pada tarikh 21 Oktober setiap tahun di Malaysia. Penjenamaan semula MASM kepada HASN ini adalah bertujuan supaya masyarakat dapat menjiwai rasa kecintaan yang tinggi terhadap alam sekitar apabila ianya dikenali sebagai 'Hari Alam Sekitar Negara'.

Hadirin sekalian,

6. Sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak demi untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat. Sebagai contoh, pada hari ini program Program *Battle Of The Ecogreenmusicvibes* menekankan penggunaan bahan kitar semula atau barangan terpakai sebagai peralatan muzik dan lirik bertemakan alam sekitar. Manakala kostum bagi Program *Battle Of The Ecogreenaerobathon* pula haruslah bertemakan alam sekitar. Selain dua program utama tersebut, turut dijalankan pada hari ini adalah program pengumpulan sisa elektrik dan elektronik isi rumah atau *Household E-waste Take Back Programme* di mana anda boleh mendapatkan wang tunai dengan membawa dan menjual sisa elektrik dan elektronik isi rumah kepada Shan Poornam Metals Sdn. Bhd. di lokasi yang telah disediakan. Program *plogging* yang merupakan kombinasi aktiviti jogging dan mengutip sampah juga telah diadakan pada pagi tadi bersama pelajar-pelajar dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.

Hadirin sekalian,

7. Selain daripada program pada hari ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak juga telah mengadakan pelbagai program lain sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN). Pada 27 hingga 29 September 2019, program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) telah diadakan dengan kerjasama PETRONAS Carigali Sdn Bhd (Sarawak Gas) di Samalaju Resort Hotel, Bintulu. Program ini melibatkan murid-murid dan guru dari 4 buah sekolah di sekitar Bintulu iaitu SMK Baru, SMK Kidurong, SMK Bintulu dan SMK Sebauh. Pada 4 hingga 5 Oktober 2019 pula, program Rakan Saintis Sungai (RSS) telah diadakan di Sumiran Ecocamp & Training Centre dan Loji Rawatan Air Batu Kitang dengan kerjasama Chemical Company Of Malaysia Bhd dan agensi-agensi lain seperti Lembaga Air Kuching (KWB), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB) dan World Wide Fund For Nature (WWF). Program RSS ini melibatkan murid-murid dan guru dari 5 buah sekolah di sekitar Kuching iaitu SMK St. Thomas, SMK St. Mary, SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, SMK Batu Lintang dan SMK Pending. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dalam program-program ini di antaranya ceramah alam sekitar, kuiz alam sekitar, games alam sekitar, tayangan video, demonstrasi peralatan, lawatan sambil belajar dan perbincangan dan pertandingan berkumpulan.

Hadirin sekalian,

8. Untuk makluman, Jabatan Alam Sekitar dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pengurangan penggunaan plastik dan amalan kitar semula bagi memelihara alam sekitar. Malaysia telah mengikuti 60 buah negara-negara lain yang telah mewujudkan plan dan rangka bagi mengawal penggunaan '*single-use plastics*'. Untuk maklumat lanjut mengenai perancangan ini bolehlah merujuk kepada dokumen "Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018 – 2030" yang boleh didapati di laman sesawang Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).
9. Sejak tahun 1950an, pengeluaran plastik telah meningkat melebihi pengeluaran produk-produk lain kerana sifatnya serbaguna dan tahan lama. Kebanyakan produk plastik ini dibuat untuk dibuang setelah digunakan sekali (sekali guna atau *single-use*) yang menyumbang kepada pengumpulan sisa plastik yang banyak. Hanya 9 peratus dari 9 bilion tan plastik yang dunia keluarkan dikitar semula. Selebihnya berakhir di tapak pelupusan atau di buang di sekitar kita.
10. Isu alam sekitar terkini yang sering dilaporkan di media-media tempatan dan antarabangsa adalah mengenai pencemaran berpunca daripada sisa plastik. Antara sebab pertambahan sisa plastik adalah kerana kebanyakan sisa plastik seperti beg plastik dan pembungkus barangan hanya digunakan sekali sahaja sebelum dilupuskan di tapak pelupusan sampah atau dibuang secara tidak beretika ke alam sekitar yang kemudiannya

memasuki sungai terus ke laut dan menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar serta hidupan marin.

11. Plastik merupakan salah satu ancaman terbesar kepada bumi yang mana pembuangan plastik berbilion ton setiap tahun telah merosakkan alam sekitar dan memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia. Selain mempromosikan gaya hidup lestari dalam aspek penjagaan alam sekitar program ini juga memfokuskan perubahan sikap masyarakat mengenai impak penggunaan, pengurangan pencemaran plastik dan amalan kitar semula. Program kita pada hari ini diharap dapat mencapai objektif untuk menerapkan kesedaran alam sekitar kepada masyarakat secara umum. Malaysia adalah antara penyumbang dalam industri plastik dengan kira-kira 1,300 pengeluaran plastik. Pada tahun 2016, sejumlah 2.26 juta metric tan resin yang digunakan untuk membuat plastik bernilai RM30 bilion telah dieksport.

12. Masalah alam sekitar berkaitan sisa plastik telah menjadi masalah utama di Malaysia di mana negara ini telah diberikan kedudukan ke 8 di antara 10 negara yang mempunyai pengurusan sisa plastik yang tidak terurus di dunia. Lebih dari 60 negara telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menangani sisa *single-use plastics* sebagai contohnya mengenakan larangan dan cukai. Ada Negara yang telah mengharamkan penggunaan *single-use plastics* tetapi merujuk kepada laporan oleh UNEP-United Nation Environmental Programme, tindakan tersebut tidak efektif dalam menangani masalah pencemaran sisa plastik. Menurut laporan tersebut juga, beberapa negara mengambil langkah menghentikan penggunaan *single-use plastics* secara berkala. Sebagai contoh,

India merancang menghentikan penggunaan *single-use plastics* pada tahun 2022. Manakala Taiwan dan Kesatuan Eropah (European Union) merancang menghentikan penggunaan *single-use plastics* pada tahun 2030.

13. Pencemaran plastik merupakan masalah global yang perlu diuruskan secara mapan. Malaysia sentiasa menggalakkan pembangunan mapan dengan menyeimbangkan pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar sejajar dengan hala tuju UNEP (United Nation's Sustainable Development Goals). Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua hadirin sekalian supaya mengambil inisiatif untuk mula memainkan tanggungjawab masing-masing dan lebih komited dalam menjaga dan memelihara alam sekitar di Negeri Sarawak. Mulakan dari amalan kita sendiri. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam.

Hadirin sekalian,

14. Selain sisa plastik, suka saya nyatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar sedang mengadakan kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik atau E-waste bagi mengelakkan ianya dari dilupuskan sewenang-wenangnya dan mencemarkan alam sekitar serta memudaratkan kesihatan. Kami telah bekerjasama dengan beberapa pihak untuk menjalankan kempen pengumpulan E-waste bagi memudahkan orang awam melupuskan E-waste masing-

masing. Oleh itu, saya meminta sokongan hadirin sekalian untuk mewar-warkan kempen ini di institusi masing-masing dan membantu Jabatan Alam Sekitar dalam usaha mengurangkan e-waste dari dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sedia ada kerana e-waste memerlukan pengurusan yang lebih kompleks berbanding sisa pepejal yang biasa kerana ianya mempunyai komposisi logam-logam yang boleh mencemarkan sumber air dan kesihatan kita.

15. Saya ingin menyatakan disini bahawa, pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan pembangunan lestari. Jalinan strategik di dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan masyarakat umum adalah selaras dengan slogan “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak tidak mampu melaksanakan secara sendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak.

16. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat khususnya di Sarawak. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang menyertai program pada hari ini. Ucapan syabas dan tahniah juga kepada penganjur terutama urusetia yang telah berusaha keras menggembeleng tenaga untuk menjayakan program ini. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Program Battle Of The Eco Green Musicvibes & Aerobathon Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak 2019.

Sekian, terima kasih.